

PROGRAM ZIARAH KASIH UNTUK PENDUDUK KAMPUNG

Oleh : Fatimah Azzahra Azhar, 1180278



Mahadi Sar (kiri sekali) serta Issam Abdullah (dua dari kanan) menyampaikan bantuan kepada penerima.

JEMPOL: Seramai 7 keluarga di Kampung Felda Palong 4 menerima bantuan makanan dan keperluan harian daripada Majlis Pengurus Komuniti Kampung (MPKK) pada Ahad, 22 November lalu.

Bantuan itu disampaikan oleh Pengerusi MPKK Felda Palong 4, Mahadi Sar kepada penerima yang terdiri daripada golongan asnaf, golongan OKU dan pesakit.

Program Ziarah Kasih ini merupakan hasil kerjasama Majlis Pengerusi Komuniti Kampung (MPKK) bersama Pengurus Masjid Al-Muttaqin, Kampung Felda Palong 4.

Setiasaha MPKK, Issam Abdullah berkata, program itu dijalankan bermula jam 10 pagi dan berakhir pada jam 12 tengahari serta disertai AJK-AJK masjid.

Beliau berkata, peruntukan utama bantuan tersebut adalah daripada peruntukan Masjid Al-Muttaqin Felda Palong 4.



Issam Abdullah (kiri sekali) menyampaikan bantuan kepada penerima yang memerlukan.

Program Ziarah Kasih tersebut telah dijalankan di setiap kediaman rumah penerima bantuan. Ia rentetan daripada situasi pandemik covid 19 kerana Negeri Sembilan masih terikat dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Objektif utama program ini dijalankan adalah bagi meringankan beban penerima yang datang daripada golongan yang sangat memerlukan. Ia juga bagi menzahirkan keprihatinan pemimpin-pemimpin kampung tersebut dalam menunaikan tanggungjawab mereka.

Mahadi berkata, "Selaku ketua kampung, ianya merupakan tanggungjawab saya untuk mengemas kini maklumat-maklumat penduduk terutamanya kepada golongan yang memerlukan". Menurut beliau lagi, sejak 2019 beliau mula mengambil alih program-program kebajikan yang telah dijalankan di Kampung Felda Palong 4.

Pihak MPKK turut bercadang untuk memperbanyakkan lagi program-program kebajikan dan kemasyarakatan untuk penduduk kampung pada masa yang akan datang. Dana-dana daripada kerajaan akan disalurkan dengan sebaik mungkin terutama kepada yang memerlukan termasuk ibu-ibu tunggal, pelajar yang memerlukan bantuan dari segi kewangan dan sebagainya.

Program-program seperti ini amat digalakkan sebagai langkah masyarakat prihatin. Ia juga menunjukkan semangat kemasyarakatan dikalangan penduduk kampung serta tidak mengabaikan golongan yang sangat memerlukan dan kurang bernasib baik.